

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
(POKOK SENA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.06.2014**

**Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [ POKOK SENA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan bagi mewujudkan daftar pengurus harta bagi tujuan memperkasakan profesion ini.

**JAWAPAN**

Tindakan berikut telah diambil oleh Kerajaan bagi mewujudkan daftar pengurus harta bagi tujuan memperkasakan profesion pengurusan harta.

Draf Rang Undang-Undang telah dipamerkan dalam laman web Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (Lembaga) dan ia juga telah

diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara. Suatu daftar baru iaitu Daftar Pengurus Harta akan diwujudkan dalam pindaan Akta 242 tersebut.

Beberapa perjumpaan dan perbincangan telah diadakan antara Lembaga dengan pihak berkepentingan. Ini termasuk pihak *Building Management Association of Malaysia* (BMAM).

Pembentangan Rang Undang-Undang Pindaan Akta 242 di Dewan Rakyat dijangka dapat dilaksanakan dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Ketiga Belas sekiranya semua pihak yang berkepentingan dapat mencapai persetujuan ke atas pindaan-pindaan yang dicadangkan.